

1. Tajuk pertandingan syarahan yang akan disertai oleh Mirza _____ "Kelestarian Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama".

- A lagi
- B juga
- C ialah
- D adalah

2. Majlis kesyukuran itu _____ untuk meraikan kejayaan abang dalam peperiksaan SPM.

- A lagi
- B ialah
- C sahaja
- D adalah

3. Dalam perjumpaan dengan pihak berkuasa itu, _____ beberapa orang penduduk yang datang.

- A memang
- B hanya
- C juga
- D lagi

4. Rantai berlian yang dipakai oleh isteri jutawan itu dikatakan bernilai _____ ringgit.

- A ribuan
- B berapa
- C pelbagai
- D setengah

5. Salman adalah antara peserta yang _____ muda menyertai sukan perahu layar di negeri itu.

- A paling
- B sekali
- C benar
- D nian

6. Pada separuh masa _____, semua pemain kelihatan cergas tetapi selepas itu, mereka mula kelihatan lemah dan tidak bersemangat.

- A satu
- B pertama
- C setengah
- D kedua-dua

7. Amirah terpaksa melupakan _____ rancangannya untuk melancong ke luar negara kerana kesempitan wang.

- A segala
- B sesuatu
- C sekalian
- D sesetengah

8. _____, kamu telah menerima Anugerah Sahsiah Terpuji selama dua tahun berturut-turut!

- A Hai
- B Nah
- C Aduh
- D Syabas

9. _____ pulanglah putera raja ke istana setelah berbulan-bulan lamanya menuntut ilmu di negara orang.

- A Alkisah
- B Arakian
- C Adapun
- D Sebermula

10. "Apa _____ halangan yang tiba, akan kutempuh dengan hati yang tenang dan tabah," tegas Jufri.

- A lagi
- B pun
- C -tah
- D -lah

11. _____, pemeriksaan kesihatan perlu dilakukan sekurang-kurangnya dua kali setahun.

- A Benar
- B Harus
- C Pernah
- D Sungguh

12. Dahi adik berdarah kerana terhantuk pada _____ meja yang tajam di ruang tamu itu.

- A sisi
- B bucu
- C sudut
- D penjuru

13. _____ kawan-kawan, amalkanlah prinsip-prinsip Rukun Negara dalam kehidupan harian!

- A Ah
- B Eh
- C Wahai
- D Aduhai

14. Kakak _____ belajar di universiti itu walaupun tempoh pengajian sebenarnya telah tamat.

- A sedang
- B pernah
- C belum
- D masih

15. Antara perkara yang dibincangkan dalam mesyuarat itu _____ masalah kutipan _____ ah sarap yang tidak konsisten.

- A ialah
- B tidak
- C bukan
- D adalah

16. Mariah _____ terbayang-bayang akan kemalangan ngeri yang menimpa dirinya biarpun peristiwa pahit itu telah lama berlalu.

- A akan
- B masih
- C sudah
- D pernah

17. _____, tibalah pemuda itu ke sebuah desa yang aman dan makmur.

- A Adapun
- B Arakian
- C Kalakian
- D Sebermula

18. _____ Mila membiarkan pintu rumahnya terbuka kerana tetamunya akan datang sebentar lagi.

- A Lagi
- B Juga
- C Hanya
- D Sahaja

19. "Sila masukkan borang peraduan itu ke _____ kotak ini," kata Melor sambil memegang sebuah kotak.

- A atas
- B dalam
- C antara
- D bawah

20. Ketika saya pergi ke rumahnya, dia _____ bermain dengan adik-adiknya.

- A akan
- B belum
- C pernah
- D sedang